



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN KERAJIAN
KETETAPAN UMUM NO. 4/2015**

TARIKH PENERBITAN: 29 JULAI 2015



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERBELANJAAN KERAIAN

**Ketetapan Umum No. 4/2015
Tarikh Penerbitan: 29 Julai 2015**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 22.10.2008

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
5. Potongan untuk Perbelanjaan Keraian	3
6. Prinsip dalam Menentukan Perbelanjaan Keraian yang Boleh Dibenarkan	3
7. Perbelanjaan Keraian yang Dibenarkan Potongan Seratus Peratus (100%)	4
8. Perbelanjaan Keraian yang Dibenarkan Potongan Lima Puluh Peratus (50%)	9
9. Perbelanjaan Promosi Sebahagian daripada Perbelanjaan Keraian	10
10. Cara Menentukan Perbelanjaan Keraian yang Boleh Dibenarkan	14
11. Rekod Perbelanjaan Keraian	16
12. Kemaskinian dan Pindaan	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan -

- (a) layanan cukai ke atas perbelanjaan keraian sebagai potongan daripada pendapatan kasar suatu perniagaan; dan
- (b) langkah-langkah untuk menentukan amaun perbelanjaan keraian yang boleh dibenarkan sebagai potongan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 18, subseksyen 33(1) dan perenggan 39(1)(I) .

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Ahli-ahli keluarga terdekat” bermaksud isteri pekerja atau isteri-isterinya dan anak-anaknya atau suami pekerja dan anak-anaknya.
- 3.2 “Anak” bermaksud anak sah atau anak tiri pekerja, isterinya atau suaminya atau seorang anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pekerja, isterinya atau suaminya di mana Ketua Pengarah berpuashati bahawa pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat adalah mengikut mana-mana undang-undang bertulis.
- 3.3 “Keraian” termasuk:
 - (a) pemberian atau penyediaan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk hospitaliti; atau
 - (b) pemberian atau penyediaan tempat kediaman atau perjalanan yang berkaitan dengan atau bertujuan untuk memudahkan pemberian keraian yang dinyatakan dalam perenggan (a) di atas,oleh seorang atau pekerjanya sama ada melibatkan balasan dalam bentuk tunai atau barangan, atau tidak melibatkan balasan, untuk mempromosi perniagaannya atau berhubung dengan suatu perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh orang itu.
- 3.4 “Keraian yang kesemuanya dan semata-mata berhubung dengan jualan” bermaksud keraian yang khususnya berkaitan dengan jualan yang diberikan kepada pelanggan, wakil penjual dan pengedar tetapi tidak termasuk pembekal.

- 3.5 “Majikan”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud:
- (a) majikan, jika perhubungan antara majikan dengan pekerja wujud; dan
 - (b) jika perhubungan antara majikan dengan pekerja tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa saraan kepada pekerja yang mempunyai pekerjaan itu, walaupun orang dan pekerja itu mungkin orang yang sama yang bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.6 “Pekerja”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud:
- (a) pekerja, yang mana terdapat perhubungan di antara majikan dan pekerja wujud;
 - (b) jika perhubungan di antara majikan dan pekerja tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau jawatan yang membentuk pekerjaan itu.
- 3.7 "Penggajian" bermaksud:
- (a) penggajian, yang mana perhubungan antara majikan dengan pekerja wujud;
 - (b) apa-apa pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara majikan dengan pekerja, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.8 “Promosi” bermaksud suatu aktiviti untuk memaklumkan dan menawarkan sesuatu produk atau perkhidmatan yang hendak dipasarkan kepada pelanggan, wakil penjual, dan pengedar tetapi tidak termasuk pembekal dan aktiviti yang dilakukan untuk mengiklankan jualan produk atau perkhidmatan tersebut.
- 3.9 “Rekreasi dan hospitaliti” termasuk:
- (a) lawatan ke taman tema atau pusat rekreasi;
 - (b) penginapan di tempat peranginan;
 - (c) tiket ke pertunjukan pentas atau teater; dan
 - (d) hadiah serta pemberian.

4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

Pada amnya, di bawah subseksyen 33(1) ACP, perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada suatu punca boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar punca tersebut. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah

subseksyen 33(1) ACP ini tertakluk kepada larangan secara spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP.

5. Potongan untuk Perbelanjaan Keraian

Perbelanjaan keraian yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP dibenarkan potongan sebanyak lima puluh peratus (50%) sahaja kecuali jika perbelanjaan tersebut termasuk dalam mana-mana kategori proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(f) ACP, maka ia akan dibenarkan potongan sebanyak seratus peratus (100%).

6. Prinsip dalam Menentukan Perbelanjaan Keraian yang Boleh Dibenarkan

Dalam menentukan sama ada suatu perbelanjaan keraian boleh dibenarkan sebagai potongan atau tidak dan amaun yang boleh dibenarkan sebagai potongan, langkah-langkah berikut hendaklah dipatuhi:

- (a) Tentukan sama ada perbelanjaan itu termasuk dalam definisi keraian seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 ACP. Tiada potongan dibenarkan di bawah perbelanjaan keraian jika perbelanjaan tidak termasuk dalam takrif keraian.

Contoh 1

Megah Jaya Sdn Bhd telah mengadakan majlis makan malam tahunan untuk pekerjaanya dengan perbelanjaan berjumlah RM10,000.

Amaun perbelanjaan berjumlah RM10,000 yang dilakukan oleh Megah Jaya Sdn Bhd merupakan perbelanjaan keraian di bawah seksyen 18 ACP.

- (b) Sekiranya perbelanjaan itu termasuk dalam takrif keraian di bawah seksyen 18 ACP, tentukan sama ada perbelanjaan itu adalah kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP. Jika perbelanjaan keraian tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar, maka perbelanjaan itu tidak boleh dibenarkan sebagai potongan. Ujian di bawah peruntukan subseksyen 33(1) ACP ini juga terpakai kepada perbelanjaan keraian sebagaimana ia terpakai kepada perbelanjaan lain.

Contoh 2

Wendy Sdn Bhd memberi ketuhar gelombang mikro sebagai hadiah sempena perkahwinan pelanggannya.

Perbelanjaan bagi hadiah perkahwinan tersebut termasuk dalam takrif keraian tetapi tidak boleh dibenarkan potongan disebabkan ia bukan

perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Contoh 3

Seorang ejen jualan harta tanah membuat temu janji dengan Encik Ravi di sebuah restoran bagi tujuan membincangkan pembelian rumah yang dicadangkan oleh ejen tersebut. Ejen itu menanggung keseluruhan kos makan tengah hari bagi beliau dan bakal pelanggannya, Encik Ravi.

Perbelanjaan bagi makan tengah hari tersebut termasuk dalam takrif keraian. Walau bagaimanapun, tiada potongan boleh dibenarkan berhubung dengan pemberian keraian kepada bakal pelanggan disebabkan ia bukan perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- (c) Sekiranya perbelanjaan keraian boleh dibenarkan potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP, tentukan sama ada perbelanjaan itu termasuk dalam mana-mana kategori perbelanjaan keraian yang dinyatakan di bawah proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(f) ACP. Jika perbelanjaan keraian termasuk dalam mana-mana proviso tersebut, potongan seratus peratus (100%) daripada pendapatan kasar boleh dibenarkan. Baki perbelanjaan keraian itu yang tidak termasuk dalam proviso tersebut boleh dibenarkan potongan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada pendapatan kasar.

7. Perbelanjaan Keraian yang Dibenarkan Potongan Seratus Peratus (100%)

Perbelanjaan keraian yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP dan termasuk dalam mana-mana proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(f) ACP adalah dibenarkan sepenuhnya. Kategori perbelanjaan keraian tersebut adalah seperti berikut:

7.1 Keraian yang diperuntukkan kepada pekerja - proviso (i) kepada perenggan 39(1)(f) ACP

Perbelanjaan makanan, minuman dan rekreasi yang diperuntukkan kepada pekerja kecuali di mana perbelanjaan tersebut adalah sampingan kepada peruntukan keraian kepada orang lain.

Contoh perbelanjaan keraian kepada pekerja adalah perbelanjaan makanan dan minuman percuma, majlis makan malam tahunan, temasya, hari keluarga atau keahlian kelab kepada pekerja-pekerja.

Contoh 4

Duyong Emas Sdn Bhd meraikan pekerjaanya dalam satu majlis makan malam tahunan pada 10 Disember 2014 dan beberapa orang pembekalnya juga turut hadir. Perbelanjaan untuk majlis makan malam tersebut adalah RM25,000.

Tujuan majlis makan malam tersebut adalah untuk meraikan pekerja Duyong Emas Sdn Bhd dan keraian kepada pembekal adalah sampingan sahaja. Oleh itu, perbelanjaan keraian yang dilakukan sebanyak RM25,000 adalah dibenarkan sepenuhnya.

7.2 Pemberian keraian untuk sesuatu bayaran yang berlaku dalam perjalanan biasa perniagaan - proviso (ii) kepada perenggan 39(1)(I) ACP

Perbelanjaan keraian yang disediakan kepada pelanggan dalam perjalanan biasa perniagaan di mana bayaran dikenakan untuk pemberian keraian itu.

Contoh keraian tersebut adalah:

- (a) mengadakan pertunjukan kebudayaan oleh restoran atau hotel di premis mereka bagi meraikan pelanggan-pelanggan; dan
- (b) makanan yang disediakan oleh syarikat penerbangan atau perniagaan pengangkutan lain kepada penumpang-penumpangnya.

7.3 Pemberian hadiah promosi di tapak perdagangan atau pameran perdagangan atau pameran perindustrian di luar Malaysia - proviso (iii) kepada perenggan 39(1)(I) ACP

Perbelanjaan yang dilakukan ke atas hadiah promosi di tapak perdagangan atau pameran perdagangan atau pameran perindustrian yang diadakan di luar Malaysia bagi tujuan mempromosikan eksport dari Malaysia.

Contoh perbelanjaan keraian tersebut adalah perbelanjaan yang dilakukan ke atas sampel produk perniagaan, cenderahati kecil, beg dan tiket perjalanan yang diperuntukkan sebagai hadiah kepada pelanggan atau pengunjung di pesta perdagangan atau pameran perdagangan atau pameran perindustrian yang diadakan di luar Malaysia.

7.4 Pemberian sampel promosi produk perniagaan - proviso (iv) kepada perenggan 39(1)(I) ACP

Perbelanjaan yang dilakukan ke atas sampel promosi produk perniagaan bagi tujuan mengiklankan produk tersebut.

Contoh perbelanjaan keraian tersebut adalah sampel percuma produk perniagaan yang diberikan kepada sekolah atau sempena majlis tertentu.

Contoh 5

Fatimah Sdn Bhd yang mengeluarkan minuman kesihatan telah memberi sampel percuma minuman kesihatan tersebut kepada semua pengunjung di temasya sukan yang diadakan di suatu taman perumahan.

Perbelanjaan ke atas sampel promosi tersebut boleh dibenarkan sepenuhnya kerana ia termasuk dalam proviso (iv) kepada perenggan 39(1)(l) ACP.

7.5 **Pemberian keraian untuk acara kebudayaan atau sukan yang dibuka kepada orang awam semata-mata untuk mempromosi perniagaan - proviso (v) kepada perenggan 39(1)(l) ACP**

Perbelanjaan yang dilakukan bagi mengadakan keraian untuk acara kebudayaan atau sukan yang dibuka kepada orang awam bagi tujuan mempromosi perniagaan. Acara kebudayaan atau sukan yang dibuka kepada ahli sahaja tidak boleh dianggap sebagai terbuka kepada orang awam.

Contoh acara kebudayaan atau sukan dan perbelanjaan keraian berkaitan acara tersebut adalah seperti berikut:

Acara	Contoh aktiviti	Perbelanjaan keraian
Kebudayaan	Mempromosi seni seperti lukisan, ukiran, muzik, drama dan tarian.	Bayaran untuk tambang, penginapan, makanan dan minuman artis yang terlibat.
Sukan	Pertandingan badminton, pertandingan golf, acara lumba kereta dan acara renang.	Tajaan makanan, minuman, pakaian sukan dan peralatan sukan untuk ahli sukan.

Acara kebudayaan yang dimaksudkan di bawah proviso ini adalah acara yang diadakan khusus untuk mempromosikan sesuatu aktiviti seni. Sekiranya acara yang diadakan bukan acara kebudayaan, maka pemberian keraian dalam bentuk aktiviti muzik atau tarian yang dipersembahkan dalam acara tersebut tidak termasuk dalam proviso ini. Contohnya acara Perbarisan Hari Kebangsaan tidak dianggap sebagai suatu acara kebudayaan.

7.6 Pemberian hadiah promosi dalam Malaysia berupa barangan yang mempunyai logo perniagaan - proviso (vi) kepada perenggan 39(1)(I) ACP

Perbelanjaan ke atas hadiah promosi dalam Malaysia yang terdiri daripada barangan yang mengandungi iklan atau logo perniagaan secara ketara. Barangan yang diberikan sebagai hadiah promosi tidak semestinya produk perniagaan itu sendiri. Logo boleh ditampal atau dicetak timbul atas barangan yang diberikan. Logo perniagaan merujuk kepada logo syarikat atau logo barangan perniagaan.

Hadiah promosi itu hendaklah diberi kepada orang awam tanpa diskriminasi. Hadiah mahal yang diberi kepada orang tertentu sahaja atau kepada orang yang tidak mempunyai hubungan perniagaan dengan pemberi tidak dianggap sebagai hadiah promosi di bawah proviso ini.

Contoh 6

Bersempena dengan ulangtahun pertama syarikat, Irish Sdn Bhd yang merupakan pembekal haruman aromaterapi herba telah menganjurkan suatu peraduan 'Mencari Harta Karun' yang dibuka kepada orang awam. Penyertaan adalah percuma dan terhad kepada 100 yang pertama mendaftar. Setiap peserta akan diberi baju kemeja-T yang tertera dengan logo syarikat. Pemenang akan diberi hadiah trofi yang mempunyai logo syarikat dan wang tunai sebanyak RM1,000.

Walaupun baju kemeja-T dan trofi yang diberi bukan produk syarikat tetapi kedua-dua pemberian itu boleh dibenarkan sepenuhnya kerana ia termasuk dalam proviso (vi) kepada perenggan 39(1)(I) ACP. Ini disebabkan baju kemeja-T dan trofi yang mempunyai logo syarikat diberikan kepada orang awam.

Tiada potongan dibenarkan bagi pemberian wang tunai RM1,000 kerana ianya tidak termasuk dalam takrif keraian seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 18 ACP.

7.7 Pemberian keraian yang berkaitan kesemuanyadengan jualan yang timbul daripada perniagaan - proviso (vii) kepada perenggan 39(1)(I) ACP

Perbelanjaan yang dilakukan untuk keraian yang berkaitan kesemuanya dengan jualan yang timbul daripada perniagaan.

Contoh perbelanjaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (a) perbelanjaan ke atas makanan dan minuman sempena pelancaran sesuatu produk baharu;

Contoh 7

Seorang ejen jualan harta tanah menyediakan makanan dan minuman sempena pelancaran projek perumahan baharu kepada pelanggan sedia ada dan bakal pembeli.

Perbelanjaan ke atas penyediaan makanan dan minuman tersebut boleh dibenarkan sepenuhnya kerana ianya termasuk dalam proviso (vii) kepada perenggan 39(1)(l) ACP.

- (b) baucar boleh tebus berdasarkan pembelian yang dibuat;
- (c) baucar tunai, baucar diskaun, baucar membeli-belah, baucar makanan, tiket konsert atau wayang;
- (d) penebusan hadiah berdasarkan skim pengumpulan mata;

Nota:

Baucar, kupon, tiket, hadiah dan sebagainya hanya dibenarkan sebagai perbelanjaan keraian apabila pelanggan telah menebusnya.

- (e) hadiah percuma bagi pembelian melebihi jumlah tertentu;
- (f) caj penyelenggaraan/perkhidmatan “percuma” atau caruman kepada dana terikat oleh pemaju perumahan;
- (g) hadiah cabutan bertuah kepada pelanggan yang telah membuat pembelian;
- (h) perbelanjaan melancong sebagai insentif kepada peniaga yang mencapai sasaran jualan; dan
- (i) perbelanjaan makanan dan minuman yang diberikan kepada pelanggan semasa menunggu kenderaan diservis.

Contoh 8

Arif Auto Service Sdn Bhd menjalankan perniagaan servis kereta yang menyediakan makanan ringan seperti teh, kopi, sandwic untuk pelanggannya yang menunggu kereta mereka untuk diservis. Pelanggan tidak dikenakan bayaran untuk makanan ringan yang diberikan.

Perbelanjaan keraian yang dilakukan ke atas makanan ringan yang disediakan oleh Arif Auto Service Sdn Bhd adalah dibenarkan potongan kerana ia berkaitan sepenuhnya dengan jualan yang timbul daripada perniagaan Arif Auto Service Sdn Bhd.

7.8 **Pemberian manfaat tambang percutian yang diperuntukkan oleh majikan kepada pekerjaannya - proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(I) ACP**

Perbelanjaan bagi manfaat tambang percutian yang disediakan oleh majikan kepada pekerjaannya untuk memudahkan acara tahunan dalam Malaysia yang melibatkan majikan, pekerja dan ahli-ahli keluarga terdekat pekerja.

Contoh 9

Era Gemilang Sdn Bhd mengadakan hari keluarga untuk pekerjaannya di Pulau Manukan, Sabah bagi memupuk semangat nilai kekeluargaan di kalangan pekerjaannya. Jumlah kos yang dilakukan adalah sebanyak RM70,000 yang terdiri daripada RM40,000 untuk kos tambang perjalanan dan RM30,000 untuk kos makanan, minuman dan penginapan.

Era Gemilang Sdn Bhd dibenarkan potongan berikut:

- (a) RM40,000 bagi kos tambang perjalanan mengikut proviso (viii) kepada perenggan 39(1)(I), ACP; dan
- (b) RM30,000 bagi kos makanan, minuman dan penginapan mengikut proviso (i) kepada perenggan 39(1)(I), ACP.

8. **Perbelanjaan Keraian yang Dibenarkan Potongan Lima Puluh Peratus (50%)**

Perbelanjaan keraian yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP tetapi tidak termasuk dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(I) ACP hanya boleh dibenarkan potongan lima puluh peratus (50%) daripada pendapatan kasar.

Contoh 10

Restu Sdn Bhd mengadakan majlis makan malam untuk meraikan pembekalnya pada 30 April 2015 dan melakukan kos berjumlah RM30,000. Beberapa orang pekerja syarikat juga turut hadir.

Oleh sebab tujuan utama keraian adalah untuk meraikan pembekal Restu Sdn Bhd, perbelanjaan keraian itu tidak termasuk dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan 39(1)(I) ACP. Amaun perbelanjaan keraian sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada RM30,000 tidak dibenarkan potongan sementara baki lima puluh peratus (50%) boleh dibenarkan potongan.

Contoh 11

Matrix Sdn Bhd membelanjakan sejumlah RM15,000 bagi menyediakan hadiah hamper kepada pelanggannya sempena perayaan Tahun Baru Cina untuk tujuan mengekalkan hubungan perniagaan yang sedia ada.

Oleh sebab perbelanjaan keraian menyediakan hadiah hamper kepada pelanggannya tidak termasuk dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan 39(1)(f) ACP, maka hanya RM7,500 iaitu lima puluh peratus (50%) daripada perbelanjaan keraian berjumlah RM15,000 boleh dibenarkan potongan.

Contoh 12

Seorang pelanggan kepada Top Designer Sdn Bhd telah mengembangkan perniagaannya dengan membuka cawangan baharu di Shah Alam. Sempena perasmian pembukaan cawangan baharu tersebut, Top Designer Sdn Bhd telah menghadihkan jambangan bunga kepada pelanggan itu.

Oleh sebab perbelanjaan keraian bagi hadiah bunga kepada pelanggan tersebut tidak termasuk dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan 39(1)(f) ACP, maka hanya amaun perbelanjaan keraian sebanyak lima puluh peratus (50%) boleh dibenarkan potongan.

9. Perbelanjaan Promosi Sebahagian daripada Perbelanjaan Keraian

9.1 Mulai tahun taksiran 2014, keraian yang ditakrifkan di bawah seksyen 18 ACP juga termasuk penyediaan keraian yang dilakukan bagi tujuan –

- (a) promosi yang berkaitan dengan perniagaan yang dijalankannya; dan
- (b) sama ada melibatkan balasan atau tidak dalam bentuk tunai atau barangan.

9.2 Oleh itu, layanan cukai bagi perbelanjaan promosi yang mengandungi unsur keraian layak dibenarkan:

- (a) potongan 50%; atau
- (b) potongan 100% jika perbelanjaan itu termasuk di bawah mana-mana proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(f) ACP.

Manakala perbelanjaan promosi yang tidak mempunyai unsur keraian layak dibenarkan potongan sepenuhnya sebanyak 100% di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Contoh 13

Akai Sdn Bhd telah membelanjakan kos pengiklanan sebanyak RM15,000 bagi mengiklankan ucapan tahniahnya kepada pasukan badminton di atas kemenangan dalam Piala Axiata 2015 dan juga bagi mempromosikan nama syarikat yang mempunyai kepakaran dalam hiasan dalaman. Nama dan logo syarikat berserta bentuk perkhidmatan dicetak dalam semua iklan. Bentuk pengiklanan adalah melalui media massa dan melalui beberapa van bergerak yang dipilih.

Perbelanjaan promosi tersebut tidak mempunyai unsur keraian dan tidak termasuk dalam takrif di bawah seksyen 18 ACP. Maka, perbelanjaan promosi itu bukan perbelanjaan keraian di bawah perenggan 39(1)(I) ACP.

Walau bagaimanapun, nama dan logo syarikat berserta bentuk perkhidmatan yang dicetak dalam semua iklannya membuktikan tujuan syarikat adalah untuk mempromosikan perkhidmatan syarikat disamping untuk menyampaikan ucapan tahniah. Oleh itu, perbelanjaan pengiklanan bagi tujuan mempromosi perkhidmatan syarikat adalah dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- 9.3 Hadiah dan sampel yang diberi secara percuma seperti yang dinyatakan di perenggan 7.3, 7.4 dan 7.6 adalah perbelanjaan promosi yang mengandungi unsur keraian dan tidak melibatkan apa-apa balasan. Ia diberi kepada orang awam atau kepada orang yang mempunyai hubungan perniagaan dengan pemberi tersebut.

Contoh 14

Sunset Sdn Bhd (Sunset) adalah sebuah syarikat yang menjual produk elektrik. Sunset memberi hadiah promosi berupa barangan elektrik berjumlah RM50,000 kepada pembekalnya sempena dengan majlis makan malam tahunan syarikat. Majlis makan malam tahunan ini diadakan untuk pekerja, pengedar dan wakil peniaga.

Barangan elektrik tersebut tidak mempunyai logo perniagaan syarikat. Sunset menuntut perbelanjaan promosi sebanyak RM50,000 sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Walaupun perbelanjaan promosi tersebut termasuk dalam definisi keraian di bawah seksyen 18 ACP, tetapi ia tidak terjatuh dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan 39(1)(I) ACP.

Oleh itu, hanya RM25,000 iaitu amaun perbelanjaan keraian sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada RM50,000 boleh dibenarkan potongan

Contoh 15

Lavender Beauty Sdn Bhd (Lavender) menjalankan perniagaan menjual busana pengantin dan aksesori. Lavender menawarkan promosi hadiah percuma berupa kerongsang dan payung yang ditampal logo syarikat kepada pelanggan yang membuat pembelian melebihi RM2,000 dalam satu resit. Lavender telah menuntut perbelanjaan promosi tersebut yang berjumlah RM3,000.


Perbelanjaan promosi tersebut mempunyai unsur keraian yang termasuk dalam proviso (vi) kepada perenggan 39(1)(f) ACP. Oleh itu, perbelanjaan promosi tersebut boleh dibenarkan potongan 100% yang berjumlah RM3,000.

Nota:

Walaupun perbelanjaan promosi itu melibatkan suatu balasan daripada pelanggan syarikat, perbelanjaan itu masih suatu perbelanjaan keraian.

- 9.4 Gambar rajah 1 menerangkan langkah yang perlu diikuti dalam menentukan sama ada sesuatu perbelanjaan layak diberi potongan sebagai perbelanjaan keraian dan amaun potongan yang boleh dibenarkan.

Gambar rajah 1



10. Cara Menentukan Perbelanjaan Keraian yang Boleh Dibenarkan

Prinsip yang dinyatakan dalam perenggan 6 hendaklah diguna pakai dalam menentukan amaun perbelanjaan keraian yang boleh dibenarkan. Jadual 1 menghuraikan layanan cukai ke atas contoh-contoh perbelanjaan keraian:

Jadual 1:

Bil	Jenis keraian	Dibenarkan potongan		Tidak dibenarkan potongan		Peruntukan ACP
		100%	50%	100%	50%	
1	Keraian diberi kepada bakal pelanggan dalam suatu transaksi tertutup			√		Tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP
2	Keraian diberi kepada bakal pelanggan atau pelanggan sedia ada semasa pelancaran produk baharu syarikat	√				Proviso (vii) kepada perenggan 39(1)(f), ACP
3	Hadiah perkahwinan kepada pelanggan			√		Tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP
4	Keraian kepada pekerja berkaitan syarikat			√		Tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP
5	Keraian untuk mesyuarat agung tahunan syarikat			√		Tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP
6	Pemberian tunai bagi majlis makan malam tahunan pelanggan			√		Tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP

Bil	Jenis keraian	Dibenarkan potongan		Tidak dibenarkan potongan		Peruntukan ACP
		100%	50%	100%	50%	
						ACP
7	Majlis makan malam tahunan untuk pekerja	√				Proviso (i) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
8	Hadiah berlogo syarikat untuk majlis makan malam tahunan pelanggan	√				Proviso (vi) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
9	Hadiah tanpa logo perniagaan untuk majlis makan malam tahunan pelanggan		√		√	Tidak termasuk dalam proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
10	Hadiah melancong sebagai insentif kepada wakil penjual yang telah mencapai sasaran jualan	√				Proviso (vii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
11	Hadiah bunga di majlis pembukaan cawangan baharu pelanggan		√		√	Tidak termasuk dalam proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
12	Keraian kepada pembekal		√		√	Tidak termasuk dalam proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP
13	Hamper untuk pelanggan semasa musim perayaan		√		√	Tidak termasuk dalam proviso (i) hingga (viii) kepada perenggan 39(1)(l), ACP

11. **Rekod Perbelanjaan Keraian**

Pembayar cukai dikehendaki untuk menyimpan rekod-rekod berkaitan dengan perbelanjaan keraian yang dilakukan.

12. **Kemaskinian dan Pindaan**

	Pindaan	
KU ini menggantikan KU No. 3/2008 bertarikh 22.10.2008.	Kandungan KU ini adalah hampir sama dengan KU yang lama dengan pindaan seperti berikut:	
	Perenggan	Penerangan
	3.3	Menjelaskan takrif keraian dalam seksyen 18 ACP. Seksyen tersebut dipinda oleh Akta Kewangan 2014 [Akta 761] yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.
	7.6	Memasukkan contoh baharu iaitu contoh 6.
	9	Gambar rajah di perenggan 6(d) KU yang lama dipinda dan dinomborkan semula. Memasukkan contoh baharu iaitu contoh 13, 14 dan 15.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**